

25 OCT 2002

SUPP-Inggeris/I

PARTI-PARTI CINA AKAN PASTIKAN SEKOLAH RENDAH CINA TIDAK KETINGGALAN

KUCHING, 25 Okt (Bernama) -- Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan parti-parti komponen masyarakat Cina dalam Barisan Nasional (BN) akan memastikan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina tidak ketinggalan apabila keputusan dibuat mengenai pengajaran mata pelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris bermula tahun depan.

Presiden SUPP Tan Sri Dr George Chan hari ini berkata demikian merujuk kepada tempoh seminggu yang diberikan kepada empat parti masyarakat Cina untuk muncul dengan kaedah sendiri dalam melaksanakan langkah itu di sekolah-sekolah berkenaan.

"Kita akan duduk bersama dan mencari jalan memastikan sekolah-sekolah Cina tidak ketinggalan daripada sistem pendidikan," kata beliau selepas melancarkan penjualan 5,000 salinan kalendar 2003, di bawah projek mengutip tabungan anjuran Persatuan Bulan Sabit Merah, Stampin Chapter di pejabatnya di Petra Jaya di sini.

Dr Chan, yang merupakan Timbalan Ketua Menteri dan juga pengerusi Bulan Sabit Merah Sarawak, berkata parti-parti China itu telahpun mengambil pendirian berhubung hal itu.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan memanggil satu lagi mesyuarat Dewan Tertinggi BN tidak lama lagi untuk membincangkan cadangan daripada parti-parti Cina itu.

Pada Rabu, para pemimpin parti-parti Cina, termasuk SUPP bertemu di Kuala Lumpur untuk mencari mekanisme yang akan memulihara identiti sekolah-sekolah Cina selain daripada memastikan para pelajar mereka tidak menghadapi masalah dalam dua mata pelajaran itu.

Selain daripada SUPP, tiga lagi parti komponen Cina dalam BN ialah MCA, Gerakan dan Parti Maju Sabah (SAPP) sementara parti Liberal Demokratik di Sabah (LDP) menyokong langkah mengajar dia mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris.

Ekoran pertemuan parti-parti Cina itu, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata mereka akan cadangkan kedua-dua mata pelajaran berkenaan diajar di luar waktu persekolahan di sekolah-sekolah Cina.

Bagaimanapun, penggunaan Mandarin untuk mengajar mata pelajaran itu pada waktu sekolah harus dikekalkan, kata beliau.

Pada Selasa, BN mencapai kata sepakat supaya semua sekolah rendah mengajar sains dan matematik dalam bahasa Inggeris bermula tahun depan.

-- BERNAMA

CJ ZUL PR